

LATIHAN KARANGAN

KARANGAN

NAMA :

KELAS :

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR



Berdasarkan karangan di bawah, sila isikan perkataan yang sesuai di dalam ruangan yang dikosongkan.

Sejak akhir-akhir ini, acap kali kita melihat berita di televisyen dan dada-dada akhbar tentang kes jenayah yang melibatkan kanak-kanak sebagai . Isu ini amat membimbangkan semua pihak kerana kanak-kanak merupakan anugerah kurniaan tuhan yang diamanahkan kepada pasangan ibu bapa untuk mereka menjadi seorang yang berguna kepada keluarga dan negara. Akibat terlalu banyak kes jenayah terhadap kanak-kanak, badan negara telah mewujudkan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Istana Kehakiman, Putrajaya. Oleh itu, kita perlu mengenal pasti cara-cara terbaik dalam masalah keselamatan kanak-kanak supaya mereka terjamin daripada sebarang jenayah.

Prakarsa utama dalam mendepani isu ini adalah peranan ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Kebanyakan kes jenayah yang berlaku melibatkan kanak-kanak yang menilai situasi mereka samada selamat atau tidak. Justeru, ibu dan bapa bertanggungjawab mengawasi dan memberi kepada kanak-kanak sepanjang mereka berada bersama-sama. Kecuaian dan peralihan perhatian dek kerana melihat telefon pintar dan sebagainya haruslah dielakkan kerana pelaku jenayah semakin dan bijak demi mencapai matlamat jiji mereka. Ibu bapa mestilah sentiasa memimpin tangan anak-anak ketika berada di luar rumah dan sentiasa menemani mereka kemana sahaja yang mereka kehendaki. Bak kata peribahasa Melayu, umur baru setahun jagung, darah baru setampuk pinang yang bermaksud kanak-kanak masih muda, kurang berakal dan belum berpendapat maka ibu bapa berperanan penting membimbing dan mengawasi mereka.

LATIHAN KARANGAN

KARANGAN

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR



Cara lain dalam memastikan keselamatan kanak-kanak terjamin adalah dengan mendedahkan mereka kepada seni diri. Dewasa ini, pelbagai jenis seni mempertahankan diri boleh dipelajari dan terdapat banyak yang menawarkan pembelajaran untuk kanak-kanak. Berbekalkan ilmu mempertahankan diri yang kanak-kanak pelajari, mereka boleh mempraktikkan apa-apa yang dipelajari sekiranya berasa terancam dan dalam situasi. Tambahan pula, kanak-kanak bukan sahaja dapat mempelajari teknik mempertahankan diri malahan mereka boleh menghargai dan meneruskan tradisi seni tersebut seperti seni silat dan taekwondo. Bimbingan yang tepat dan mendalam oleh pengajar akan membentuk kanak-kanak yang lebih berdisiplin dan siap siaga dalam menghadapi ancaman.

Di samping itu, media juga berperanan penting dalam menyedarkan masyarakat tentang keselamatan kanak-kanak yang kian terancam hari ini. Media massa sewajarnya menyiarkan iklan atau rancangan yang berkaitan supaya masyarakat kita, khasnya pengusaha dan ibu bapa sedar dan mengambil tindakan yang drastik untuk mengelakkan kanak-kanak daripada menjadi mangsa jenayah. Siaran daripada media massa dapat memancing perhatian dan kerjasama masyarakat untuk menghulurkan bantuan demi menyelamatkan kanak-kanak yang hilang atau diculik. Tapisan rancangan ganas yang dapat mempengaruhi orang ramai sehingga membangkitkan nafsu manusia yang jelik hendaklah dilaksanakan. Bahan yang berkaitan dengan seksual kanak-kanak harus dilarang sama sekali. Natijahnya, semua media perlu menghalang rancangan yang berunsur ganas dan berusaha menginsafkan masyarakat kita untuk menyelamatkan kanak-kanak daripada menjadi mangsa.

LATIHAN KARANGAN

KARANGAN

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR



. Selain itu, ibu dan bapa seharusnya mengambil kesempatan atas kecanggihan teknologi masa kini dengan memakai alat penjejak pada anak-anak mereka. Sekiranya kita sanggup melaburkan wang untuk memakai telefon yang terkini kita juga sepatutnya melaburkan wang untuk membeli gajet keselamatan kepada anak-anak kita. Gajet atau alat penjejak kanak-kanak direka dalam pelbagai bentuk dan mesra kanak-kanak seperti jam tangan, gelang ataupun rantai. Ibu bapa boleh memantau setiap pergerakan anak menerusi aplikasi yang disambungkan melalui telefon pintar lalu perasaan selamat muncul dalam ibu bapa dan anak kerana sedar pergerakan mereka sedang diawasi oleh orang tersayang. Maka, pemasangan alat penjejak ini boleh memberikan satu perasaan selamat dalam jiwa setiap ahli keluarga serta sebagai satu langkah bersiap sedia sekiranya berlaku sebarang perkara yang tidak diingini.

Kesimpulannya, cara boleh dilaksana demi mengatasi masalah keselamatan kanak-kanak. Seisi masyarakat kita bertanggungjawab untuk melindungi kanak-kanak yang akan mewarnai masyarakat, nusa dan bangsa kita supaya mereka berpeluang membesar dengan aman dan sentosa. Senario ini persis dengan peribahasa Melayu, yakni sudah terhantuk, baru yang memberi definisi apabila kita ditimpa musibah barulah hendak bertindak. Maka, polisi kerajaan harus dirangka bagi membendung masalah yang kian mengancam masa negara kita dan segera mencari penyelesaian yang berkesan dan berkekalan.